


A R T /

I N N O V A T I O N

PART I



... issue. The
... actors who play
... something
... that is existentially threat
... government,
... represented by high-ranking officials, lobbyists, and
... even pressure from a group are all examples of securitizing
... tizing actors. Next is the issue or threat that potentially
... brings harmful effects towards peace and stability of
... of the country and lastly is the reference object or who
... needs the security. This is how actors secure the

ec
... that those mo
... actors, political
... individuals can h
... ing or ensuring their own se
... Anthony M., 2018). One of the m
... global Non-Traditional Security risks is the
... COVID-19 pandemic. This worldwide health crisis
... has resulted in an unacceptably high number of deaths
... and a significant economic impact.

Securitization theory, which is employed as a frame-
work analysis, is the basic theory that underpins the
analysis in this study. Securitization developed from
Copenhagen School (COPRI – Copenhagen Peace
Research Institute) of security studies pioneered by
Barry Buzan, Ole Weaver and Jaap De Wilde (1998),

© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2023

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Madya Dr Nur Hisham Ibrahim
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Aznan Omar¹
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Hamidi Hadi²
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
En Noor Enfendi Desa
Dr Azian Tahir
En Mahizan Hijaz Mohammad
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
En Muhammad Salehuddin Zakaria
Pn Hairulnisak Merman
En Anwar Fikri Abdullah
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
Pn Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apani
En Mohd Nafis Saad

SECRETARY

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TRANSLATION

En Mahizan Hijaz Mohammad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF PUBLIC RELATION

Pn Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apani
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF PROMOTION

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DESIGN

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DESIGN

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DESIGN

En Mohd Nafis Saad²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Norazliyani Binti Mazli
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

PENGAMATAN VISUAL UNSUR WARNA TERHADAP SPESIMEN FUNGI DALAM KARYA SENI VISUAL

a chapter by

SHAHARIAH BINTI MOHAMED ROSHDI, HISAMMUDIN AHMAD, SHAHRUL MUNIR BIN MOHD KAULAN, WAN MOHD ZULKIFLE BIN WAN YAACOB, ILINADIA BINTI JAMIL & FAZLINA MOHD RADZI

Department of Fine Art, University of Technology MARA

Department of Graphic, University of Technology MARA

Department of Visual Culture Studies, University of Technology MARA



Seni Visual dan Warna Pada Fungi

Warna ialah salah satu daripada rangkaian unsur-unsur seni reka. Unsur warna mempunyai kekuatan yang berbeza dalam membantu aktiviti rekaan khasnya produk seni. Warna merangkumi gugusan seperti spektrum warna, hue warna, roda warna (warna utama, warna sekunder, warna tertier), warna penggenap, warna harmoni, nilai warna, sewarna (monokrom), kroma warna (intensity), suhu warna dan warna neutral.

Warna adalah elemen yang digunakan dalam semua bidang yang berkaitan dengan visual. Ianya merangkumi bidang elektronik, biologi mahupun seni semuanya bergantung berat terhadap warna. Ianya digunakan sama ada untuk mengklasifikasi, menanda, merekod data malah ada juga hanya digunakan dalam aspek estetik.

Kertas kerja ini mengenengahkan fungi sebagai bahan bukan seni, ianya diangkat sebagai subjek penggerak kepada kajian. Fungi merupakan bahan neutral, menggunakan bahan yang 'bukan seni' ini adalah salah satu cara untuk melihat potensi idea terhadap bahan dalam arena seni yang lebih mencabar, dan ia boleh hadir dalam pelbagai potensi yang unik disamping menemui nilai-nilai kecantikan yang tersendiri. Seorang artis yang berasal dari Amerika telah mengamalkan cara ini, iaitu Robert Smithson telah menggunakan objek-objek yang bukan tradisional contohnya seperti bahasa, cermin, peta, lori sampah, lombong-lombong yang ditinggalkan, hotel dan bumi untuk dijadikan arca, foto dan filem.

Fungus secara umumnya mempunyai kecenderungan objek yang unik, bukan hanya

pada rupa bentuk fungus yang menawan malah bahan bukan konvensional ini telah berjaya menciptakan warna – warnanya yang tersendiri. Justeru kekuatan kajian praktis studio fungus yang telah dijalankan berpotensi menghasilkan idea baru di dalam seni visual. Paradigma ini telah memecahkan daripada anggapan di luar kebiasaan dalam membangunkan nilai estetik dan penguasaan teknik-teknik baru.

Kekuatan penyelidikan ini berbentuk meneroka, memahami dan membangunkan kod-kod warna disamping memperjelaskan lagi mengenai potensi-potensi tema warna tertentu. Kemunculan tema – tema warna yang telah dikenal pasti menerusi eksperimentasi telah direkod menggunakan diari visual. Maka hasil daripada pendedahan idea baru ini diharap dapat memperlihatkan daya kreativiti dan memberi inspirasi khasnya dalam konteks penerokaan dan kemahiran berlandaskan pendekatan penyelidikan praktis studio (art practice as a research). Menurut Julia Marshall & San Francisco (2014) dalam sebuah artikelnya menyebut practitioners of art practice research are also keen observers and serious critical thinkers. Kesan penerokaan warna yang ditemui memerlukan kesungguhan dari sudut kajian visual, ini menuntut penghayatan dan pengamatan visual yang tajam lagi kritikal.

Menyedari kehadiran unsur warna, pengkajian terhadap warna telah dilakukan dan didapati memberi impak yang mendalam. Unsur warna adalah termasuk di dalam unsur yang nampak atau visual (Wucius Wong, 1989), Setiap warna memiliki karakteristik tertentu. Di sini karakteristik memberi pengertian meliputi ciri-ciri atau sifat-sifat khas yang dimiliki oleh

suatu warna. Manakala ahli falsafah Greek menyatakan bahawa warna hanyalah sekadar apa yang dilihat oleh mata kasar manusia. Warna telah meninggalkan unsur – unsur tindak balas kepada sesuatu rangsangan yang lebih bermakna, contohnya daun berwarna hidup, tanah berwarna coklat dan langit berwarna biru. Tetapi pendapat ini ternyata kurang tepat apabila pada tahun 1666, seorang saintis telah berjaya mengemukakan bukti saintifik bahawa warna sebenarnya bukan sekadar apa yang dilihat oleh mata kita tetapi warna mempunyai sifat fizikal tertentu yang membolehkannya berwarna merah, biru, kuning atau hijau. (Shaharudin Md Saleh, 2012).

Melalui kajian makmal yang dibuat terhadap gambar-gambar lukisan yang telah didokumentasi oleh Achmad Sopandi Hasan mendapati bahawa kebanyakan lukisan dan imej yang dihasilkan di dinding Gua Kain Hitam, Niah, Sarawak dengan menggunakan jari.


Kajian makmal juga telah memaparkan bahawa warna monokromatik pada lukisan arang telah digunakan untuk menghasilkan warna hitam manakala warna putih diperolehi melalui teknik goresan menggunakan batu tajam ke atas permukaan dinding gua. (Achmad Sopandi Hasan, 2003). Kegigihan penyelidik ini telah pun membawa beliau menemui hasil produk Eco-Color sebagai bahan pewarna yang telah diiktiraf diperingkat dunia.

Penghasilan karya seni visual di Malaysia merupakan salah satu usaha untuk mengupas kegiatan seni sama ada secara bentukan inisiatif secara berkelompok atau perseorangan. Mulyadi Mahamood dalam penulisannya ada menyebut tentang kegiatan seni lukis telah bermula sejak tahun 1930-an. Antara aktiviti seni visual secara berkelompok suatu ketika dahulu seperti kegiatan seni lukis oleh Penang Impressionism, The Penang Art Teacher's Council, The Wednesday Art Group, The Art Council Malaya, Selangor Art Society, Majlis Kesenian Melayu dan Angkatan Pelukis Semenanjung Semalaysia dan beberapa pelukis lain.


Seni visual kini dilihat sebagai industri yang berasaskan pedagogi. Pengertian seni visual semakin hari diterjemahkan dalam rangkaian

hasil karya seni tampak yang berimpak tinggi. Seni visual merupakan sebahagian daripada perlambangan sistem sosial masyarakat. Eksplorasi visual adalah berdasarkan penghayatan dan pengamatan tampak yang tinggi bagi mencetuskan kesedaran wujudnya nilai-nilai positif dalam karya. Artis adalah penterjemah kepada situasi alam di sekeliling mereka dengan menggunakan pengamatan visual. (Mohd. Suhaimi Mohd Noor, 2008). Dalam konteks ini ramai penggiat seni menyuarakan pendapat, namun pendapat itu berbaur konflik dan bercanggah, terutama sekali apabila sistem visual dan persepsi manusia perlu diambil kira.

Penyelidik menggunakan pendekatan kajian eksperimental dalam menghasilkan tema warna, Di samping itu juga penyelidik telah mengumpul dan menguji pertumbuhan fungus di atas beberapa sampel untuk mengutip data-data visual warna yang berbeza menerusi laboratorium yang mana dibatasi oleh tatacara eksperimentasi yang ketat dan terkawal. Kaedah penyelidikan praktis studio (art practice as a research) yang menguji pertumbuhan fungus sebagai medium eksperimen telah menggabungkan pengetahuan seni dan sains yang menumpukan dapatan visual yang dikutip sehingga menjelajah ke alam mikroskopik.



Rajah 1: Berikut merupakan reka bentuk eksperimental bagi kajian warna fungus



Rajah 2 : Lima sampel fungi yang dijadikan bahan penguji dalam penyelidikan ini

Teknik pengamatan secara visual dengan memerhati sampel fungi merupakan cara melihat melalui mata kasar dengan menggunakan kanta. Ianya adalah gerak laku yang sama ketika penonton melihat karya pengkaji di ruang pameran galeri seperti pameran VII di Galeri Segaris, VGA FEST di Galeri Black Box, Bakat Muda Sezaman 2013 di Balai Seni Visual Negara dan Young Malaysian Artist : New Object (ion) II di Galeri Petronas dan di Penang State Museum, Pulau Pinang. Kaedah menggunakan kanta pembesar sebagai instrumen yang membantu mata kasar manusia (penonton) untuk melihat sampel dengan lebih jelas dan fokus.

Pengamatan melibatkan proses otak pengkaji menerima maklumat (data) dari deria penglihatan, menyusun semula maklumat tersebut dan menterjemahkannya kepada pengalaman yang lebih bermakna. Proses melihat menggunakan kanta pembesar pada sampel fungi melibatkan cahaya dari objek (sampel fungi) itu masuk ke dalam mata dan imej sampel itu terbentuk di retina. Ia menghasilkan impuls yang dihantar ke otak melalui saraf optik. Otak mentafsir impuls itu dan menginterpretasikannya mengikut imej warna yang terdapat pada sampel fungi.

Pengamatan ini dipanggil sebagai pengamatan visual. Ahmad Johari Sihes dalam penulisannya menyatakan empat sifat pengamatan yang perlu diketahui oleh pengkaji iaitu pengamatan yang sering berubah-ubah bergantung kepada perubahan keadaan persekitaran, pengamatan bersifat personal, pengamatan berkesinambungan dan pengamatan amat selektif.

Pengamatan terhadap sampel fungi melibatkan perubahan masa yang mana pertumbuhan fungi yang dijadikan bahan persempelan merupakan objek hidup yang neutral dan bersifat mereput. Beberapa kekangan telah dihadapi di sepanjang proses kajian terutamanya dalam aspek masa

dan cabaran ketika mengukur warna. Apabila pengkaji memulakan ujian eksperimentasi terhadap sesebuah sampel, pada hari pertama sehingga hari yang berikutnya kadar lembapan dan pencahayaan terhadap pertumbuhan fungi adalah berubah - ubah. Hal ini memberi kesan yang berbeza terhadap sifat fizikal sampel tersebut terutamanya dalam aspek saiz, rupa, bentuk, dan terutamanya warna.

Kaedah dokumentasi secara digital terhadap karya bersubjekkan fungi menerusi rakaman data yang mengikut perubahan masa. Kaedah ini memainkan peranan yang penting kerana hasil daripada ujian eksperimentasi sangat memerlukan pendekatan rakaman yang teliti.

Kaedah rakaman menerusi instrumen digital telah bermula pada 31 Ogos 2012 dan berakhir pada 10 Dis 2012. Tempoh selama 101 hari ini telah menjalani 5 jenis sampel yang berbeza misalnya bahan persempelan fungi ini terhasil daripada roti yang berlainan iaitu perasa jagung, kacang merah dan bun.

Permasalahan dalam membezakan warna adalah amat sukar apabila menggunakan cara tradisional sahaja. Cara tersebut ialah apabila pengkaji menggunakan kanta dan cuba untuk meniru warna asal dengan menggunakan peralatan biasa seperti warna air, akrilik, krayon dan lain-lain. Masalah lain pula adalah dalam mengenal pasti warna di dalam konteks gradien. Dalam satu gradien di antara dua warna sahaja telah mengandungi beratus warna jika tidak ianya terdiri daripada beribu warna. Bantuan di dalam bentuk digital amat diperlukan dalam kes ini. Kaedah ini digunakan dengan bantuan penggunaan perisian digital yang khusus di bina dalam mengenalpasti imej atau warna. Adobe Photoshop adalah perisian teknologi komputer yang dapat membezakan berjuta warna dengan cepat, mudah dan tepat.

Sampel Kajian & Analisis Data

Data dianalisis daripada persampelan fungi dengan menggunakan instrumen digital ketika berada di studio untuk merekod dan menunjukkan bukti terhadap pertumbuhan fungi dalam tempoh selama 101 hari. Kaedah ini membantu

penyelidik untuk mengenalpasti visual warna supaya dapat dianalisis secara keseluruhan bentuk fizikal fungi dalam aspek perbezaan dan perubahannya. Dokumentasi bermula pada hari pertama proses menggunakan gabungan webcam dan kanta pembesar di ruang setting. Kamera akan mengambil gambar secara automatik untuk setiap 10 minit. Proses ini berterusan selama 101 hari. Jadual 1 telah menunjukkan bukti visual analisis yang dikaji dalam tempoh tersebut.

Jadual 1 : Perubahan unsur warna pada rupa bentuk fizikal sampel

Proses ujian ke atas Sampel A	
Hari Pertama 31.08.12 (8:36pm)	
Hari ke 19 19.09.12(04:53pm)	
Hari ke 40 21.09.12 (04:50pm)	

Perbincangan

Kaedah pemerhatian menggunakan instrumen digital digunakan bagi mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Pemerhatian terhadap sampel merupakan alternatif bagi mengumpul maklumat dalam mengamati tingkah laku subjek kajian. Terdapat perubahan-perubahan yang telah direkodkan dan kenalpasti di dalam penyelidikan , di antaranya adalah seperti berikut:

- a. Kadar pertumbuhan fizikal fungi yang random menyukarkan ketetapan warna sebenar pada sampel.
- b. Perubahan suhu yang menyukarkan, ketepatan kajian unsur warna bergantung kepada lembapan pada sampel fungi.

- c. Sukar mengukur zat makanan yang dibekalkan didalam sampel fungi, kekuatan warna tertentu terjadi hasil daripada zat yang berlainan.

Penyelidik menggunakan aspek penelitian dalam proses pengamatan secara visual yang telah diperkenalkan oleh Ahmad Johari Sihes. Proses pengamatan melalui penelitian pemerhatian dibahagikan kepada empat ciri pengamatan iaitu memberi tumpuan kepada sampel fungi dengan menjalani kajian terperinci seperti mengenalpasti, menginterpretasi, mengorganisasi dan memahami.

Berikut merupakan lima buah sampel yang telah menjalani proses pengamatan secara visual melalui instrumen digital dan kanta pembesar. Hasil mendapati palet dan kod dominan warna yang ditemui adalah seperti jadual berikut:

Tarikh kajian	Sampel kajian	Palet dan kod Warna dominan
18.05.2012	Sampel A 	 #796619 #a38444 #99988c #8f6c33 #998d4a #bfb67c
18.05.2012	Sampel B 	 #413421 #714f29 #7f4d2a #7c312b #631e21 #2b1112
16.08.2012	Sampel C 	 #835c4b #8f8b80 #5a4e42 #af5e1d #424441 #874920
21.05.2012	Sampel D 	 #25211e #b3ab87 #524f3e #88b396 #9b6e35 #93793e
26.04.2012	Sampel E 	 #706001 #917a1d #7c1c04 #670802 #5a0500 #290000

Hasil daripada eksperimentasi ini, walaupun penyelidik telah menemui palet dan kod warna dominan di dalam ke lima – lima sampel kajian namun kejelasan untuk memperolehi kategori warna tersebut agak sukar. Didapati hasil ujian pengamatan visual terhadap warna pada sampel mempamerkan warna senada seperti warna kelabu, coklat dan merah. Kaedah memulihara melalui

proses dokumentasi seperti mengambil gambar dan merekod didapati tidak memberi impak dalam mengenalpasti klasifikasi warna. Kecanggihan teknologi kamera dalam mendokumentasi sampel masih belum cukup membantu. Melalui dokumentasi, penyelidik menggunakan ujian pengamatan visual iaitu dengan bantuan perisian Adobe Photoshop. Hasil dari kaedah tersebut impaknya masih kurang terperinci, didapati ianya agak sukar untuk diteruskan. Penyelidik tidak mempunyai peralatan dan kemudahan di makmal sains yang khas untuk memulihara sampel dari mereput. Gabungan bidang biologi sains bersama pengetahuan dan kemahirannya dapat membantu penyelidik untuk membekukan sampel bagi tujuan memudahkan proses pengesanan dalam mengenalpasti warna pada sampel fungi.

Penganalisan data dilakukan secara induktif. Kajian ingin mencetus keupayaan baru dalam memahami unsur warna melalui subjek fungi. Matlamat penyelidik bukan untuk menguji atau mengesahkan sebarang hipotesis, tetapi penyelidik membina kesimpulan daripada data yang telah dikutip. Penyelidik menafsir pencapaian data yang dikutip melalui bukti – bukti visual yang nyata. Penerapan pendekatan praktis studio telah membantu menghimpun kod-kod warna tertentu.

Potensi ini telah mengeluarkan suatu dapatan baru, justeru manfaatnya dapat diteliti lebih lanjut dengan menghubungkan ke lapangan-lapangan atau industri lain.

Hasil daripada dapatan analisis ini juga, penyelidik dapat merumuskan bahawa dapatan analisis telah mengungkap pengetahuan unsur warna yang menakjubkan. Pengkajian telah membawa penyelidik mengenali ciri – ciri bentukan estetik yang luar biasa dalam aspek unsur warna sehingga menghasilkan model atau pun klasifikasi warna dan pembinaan profil warna berasaskan fungi.

Menurut Amer Shakir Zainol & Mohamad Khalil Amran (2019) menyebut bahawa setiap warna mempunyai ciri-ciri yang unik dan mempunyai cara yang istimewa untuk memberi kesan kepada manusia. Kajian – kajian lain ke atas warna giat dijalankan dan mendapat hasil yang membanggakan. Ciri-ciri warna seperti yang

telah diteliti di dalam sampel fungi dalam aspek psikologi telah membawa kesan unik yang dapat memberi pengalaman baru kepada peneliti. Di dalam memperkenalkan profil warna fungi kajian telah menemui kod – kod warna fungi yang menghubungkan psikologi dan komunikasi warna. Johan Irwan Kamarozaman (2019) dalam buku berjudul *Siri Kenali Diri Kuasai Dunia Komunikasi Warna*, serlahkan kuasa kepimpinan dan komunikasi dengan *Colored Brain* dengan kebenaran Athur F. Carmazzi telah mencatatkan mengenai teori colored brain, justeru penyelidik telah menemukan dua daripada empat *colored brain* telah wujud di dalam profil warna fungi iaitu *green brain* dan *red brain*.

Keindahan warna hijau yang berhubungan dengan warna alam sering dikaitkan dengan pecahan warna hijau muda pada rumput yang baru tumbuh dan pucuk dedaunan muda. Warna hijau tua digambarkan melalui hutan yang berwarna gelap. Menurut Amer Shakir Zainol & Mohamad Khalil Amran (2019) warna hijau adalah warna yang melegakan, aman dan juga redup dipandang serta berbentuk positif. Manakala warna merah adalah warna yang mempunyai rangsangan kepada deria, ia menggabungkan dengan kuasa tenaga dan keindahan hidup. Dari aspek positif merah boleh memberi rangsangan kekuatan, kegembiraan dan cinta.

Selain daripada hijau dan merah, pengamatan dalam melihat ciri-ciri warna fungi lain dapat ditemui seperti kemunculan warna oren, coklat, putih, kelabu dan hitam. Kajian mendapati kebersamaan warna-warna ini sering turut diguna pakai dalam industri tertentu sebagai suatu penjenamaan mahu pun suatu konsep dan makna yang bernilai positif.

Proses studio praktis yang menemukan potensi – potensi estetik khususnya pada penemuan profil warna fungi ini juga dapat mewujudkan kefahaman masyarakat dalam mempertingkatkan pendedahan dan pengetahuan dari hasil alam mikroskopik. Usaha untuk menyumbang kajian alam mikroskopik yang menyentuh pertembungan seni dan sains ini sering kali wujud namun kurang direkodkan mahu pun dikaji.

Penulisan kertas kerja ini tidak mampu memperjelaskan eksplorasi bahan warna fungus dalam ruang dan peluang yang amat terhad. Namun begitu, sedikit sebanyak apa yang telah dikongsikan merupakan sebahagian dari bukti ianya sebagai profil warna berasaskan fungi. Pengkaji amat berharap agar pembaca akan mendapat manfaat dari sumbangan kajian ini. Semoga kajian ini berjaya memperlihatkan daya kreativiti dan membentuk identiti bangsa dan negara.

Rujukan

- Achmad Sopandi (2008). Melestarikan Warna Mesra Alam Melalui Pembelajaran Seni Visual: Menggerus Batu.. Menoreh Warna.. Prosiding Sidang Seni Sini 08
- Achmad Sopandi (2003). Lukisan Gua Di Malaysia. Kuala Lumpur, Malaysia. Penerbitan Balai Seni Lukis Negara.
- Ahmad Johari Sihes, (2010). Pengamatan. Retrieved 7 May 2014 from <http://eprints.utm.my/10354/1/bab7.pdf>
- Amer Shakir Zainol & Mohamad Khalil Amran (2019). Pendekatan Psikologi Dalam Seni & Seni Reka Satu Pengenalan. Penerbit Press Universiti Teknologi MARA.
- Chang Hon Woon. (1997). Teori Seni Tampak, Asas Seni Reka. Kuala Lumpur, Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dr. Mohd Suhaimi Mohd. Noor (2008). Perkembangan Seni Visual Dalam Sejarah Perkembangan Sosial Negara. Prosiding Sidang Seni Sini 08.
- Elyse Goldberg, Robert Smithson Retrieved 8 May 2014 from <http://www.robertsmithson.com/introduction/introduction.htm>
- Johan Irwan Kamarozaman (2019). Siri Kenali Diri Kuasi Dunia Komunikasi Warna, Serlahkan Kuasa Kepimpinan Dan Komunikasi Dengan Colored Brain. Perpustakaan Negara
- Julia Marshall, San Francisco (2014). The International Journal of Arts Education. Retrieved 3 Oct 2014 from <https://cgscholar.com/bookstore/works/art-practice-as-research-in-the-classroom>
- Mohd Johari Ab. Hamid. (2006). Asas Seni Visual. Tanjong Malim, Malaysia. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Meredith Blackwell, Rytas Vilgalys, Timothy Y. James and John W. Taylor. (2006). Fungi. Retrieved 14 May 2014 from <http://tolweb.org/Fungi/2377>
- Muliyadi Mahamood (2004). Seni Lukis Moden Malaysia Era Perintis Hingga Pluralis (1930-1990), Kuala Lumpur, Malaysia. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nye Yha (2012). Warna Sebagai Salah Satu Unsur Desain. Retrieved 6 May 2014 from http://nheya-nia.blogspot.com/2012/02/warna-sebagai-salah-satu-unsur-desain_28.html
- Oxford Dictionary of Biology. (2004). oxford university press.
- Shahariah Mohamed Roshdi, Diana Ibrahim, Amiruddin Osman, Mohd Saharudin Supar. (2014). Kebolehan Kognitif dan Kreatid Pelajar Mengaplikasikan Unsur – Unsur Seni Melalui Pengamatan Karya Seni Visual Bersubjekkan Fungi. Proceeding Internaization of Local Wisdom Values in Learning Art, Surakarta.
- Shaharudin Md Salleh (2012). Panduan Pemilihan Kombinasi Warna Untuk Rekabentuk Skrin Bagi Persembahan Elektronik. Retrieved 14 May 2014 from <http://rm50.ibct.my/produk/PanduanPemilihanWarna.pdf>

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR